

Model Pembangunan Modal Insan Pelajar di Unisel

Wan Yusnee Abdullah, Ahmad Tarmizi Zakaria^{1*}, Hajar Opir² Zaharudin Othman³

¹ Centre for Foundation and general Studies, Universiti Selangor (UNISEL),
wanyusnee@unisel.edu.my, ahmizi@unisel.edu.my

² Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM)
hajar_opir@uitm.edu.my

³ Kementerian Pembangunan Usahawan, Pejabat Timbalan Menteri
zahar.othman@gmail.com

Abstrak: Pembangunan modal insan merupakan wahana penting dalam membentuk individu yang berkualiti. Ia mampu melahirkan mahasiswa yang mempunyai daya intelektual yang mapan, berkemahiran tinggi, berakhlak mulia, jatidiri yang unggul, kompeten dan inovatif. Ironinya, terdapat segelintir pelajar yang tidak mampu menyeimbangkan pembangunan modal insan dalam kehidupan mereka sehingga segelintir pelajar memiliki daya intelektual yang tinggi namun tidak mampu bersosial dan berinteraksi dengan masyarakat sekitar. Manakala sebaliknya sebahagian daripada mereka mampu berinteraksi dengan masyarakat dengan baik namun daya intelektual mereka berada ditahap yang rendah. Dalam konteks pembangunan negara pembangunan insan yang seimbang dan bersifat holistik yang merangkumi domain kognitif, afektif dan psikomotor amat diperlukan. Walaupun terdapat pelbagai model pembangunan modal insan yang telah dipelopori oleh para intelektual, namun, kajian pembangunan modal insan yang khusus kepada pelajar peringkat Instituti Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) masih belum ditemui. Malah pembangunan modal insan yang berorientasikan perspektif Islam masih kurang dibincangkan. Justeru, kajian ini akan memberi tumpuan terhadap modal insan dalam kalangan pelajar dengan menggunakan kaedah kualitatif berasaskan analisa kandungan. Kajian yang dijalankan ini sangat signifikan untuk diselidiki kerana bertujuan untuk mengenalpasti pembangunan insan pelajar secara holistik.

Kata kunci: model; pembangunan modal insan; pelajar

Abstract: The development of human capital is a significant medium in shaping a high quality society. It is capable of producing students who have high intellect, good moral values, excellent identity, competent and inovative. Ironically, there students who are unable to balance their human capital development within their life which causes them to be incapable to socialize and interact with their surrounding community despite having high intellect. In contrast, there are also some of these students who are able to interact well with their community however, own insufficient level of intellectual. In the context of a balanced and holistic national development of human capital, cognitive, affective and psychomotor domain are very much needed. Eventhough there are various human capital development model that have been explored by scholars, the study of human capital development specifically on students in private higher education institution is yet to be discovered. In fact, human capital development based on Islamic prespective is minorly discussed. Therefore, this study will focus on the human capital among students using a qualitative method based on content analysis. This study is significant to be examine due to its purpose of identifying the development of students' human capital holistically, suited to the guideline of Islam.

Keyword: model, development of human capital, student

1. Pendahuluan

Model menurut Kamus Dewan (1039) bermaksud seseorang atau sesuatu yang dapat dijadikan contoh untuk ditiru atau diteladani. Model adalah pola (contoh, acuan dan ragam) dari sesuatu yang akan dibuat atau dihasilkan (Departemen P & K, 1984). Model didefinisikan sebagai suatu representasi dalam bahasa tertentu dari suatu sistem yang nyata.

Menurut Ackoff, et al (1962) mengatakan bahwa model dapat dipandang dari tiga jenis kata aitu sebagai kata benda, kata sifat dan kata kerja. Sebagai kata benda, model bermaksud representasi atau gambaran, sebagai kata sifat model adalah ideal, contoh, teladan dan sebagai kata kerja model adalah memperagakan, mempertunjukkan. Dalam pemodelan, model akan dirancang sebagai suatu penggambaran operasi dari suatu sistem nyata secara ideal dengan tujuan untuk menjelaskan atau menunjukkan hubungan-hubungan penting yang terkait. Manakala Dr. Mahyus Ekananda (2015) berpendapat bahawa model merupakan gambaran dari gejala yang sebenarnya, seperti sistem atau proses yang sebenarnya. Sehingga dengan model, gejala atau fenomena tersebut dapat dijelaskan, diprediksi, dan dikawal sesuai dengan tujuan ekonometrika (analisis struktural, peramalan dan evaluasi kebijaksanaan).

Istilah ‘pembangunan’ lazimnya diertikan bagi menunjukkan sesuatu peningkatan atau pertumbuhan daripada tahap rendah kepada yang lebih tinggi (Faudzinain, 2006). Menurut Cambridge Advanced Learner’s Dictionary (2003) pembangunan bermaksud berlakunya pertumbuhan terhadap sesuatu atau seseorang ke arah yang lebih maju. Ini merangkumi sesebuah masyarakat atau negara yang bersifat proaktif ke arah memaju dan meningkatkan kualiti kehidupan (Nik Mustafa, 2005). Ia juga dinisbahkan kepada sesuatu yang bernilai, wang dan aset yang menguntungkan (Mohd Fauzi & Mohd Khairul, 2012). Namun, istilah ini seringkali terarah kepada pembangunan fizikal dan material. Hakikatnya ia merujuk kepada penggunaan yang lebih luas mencakupi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia tidak terhad dalam aspek material semata-mata.

Pembangunan modal insan pula merujuk kepada pertumbuhan dan perubahan ke atas individu, komuniti dalam pelbagai aspek (Sidek Baba, 2008). Dalam erti kata lain memperkasakan individu dan anggota komuniti (Hasnah Hussin, 2007). Menurut Syed Al-Attas pembangunan modal insan adalah mengubah keadaan sedia ada menjadi lebih baik. Ini dapat direalisasikan dengan pembentukan masyarakat yang sempurna (Mohd Fauzi & Mohd Khairul, 2012) iaitu;

- i) Pembangunan tersebut haruslah mempunyai sifat kemanusiaan.
- ii) Pembangunan haruslah dilaksanakan oleh pemimpin yang jujur.
- iii) Kefahaman dan kesedaran mengenai pembangunan mestilah diwujudkan dalam kalangan masyarakat.
- iv) Usaha pembangunan haruslah didasarkan dengan ilmu dan pengetahuan.
- v) Mengandungi unsur estetika yang bermaksud pembangunan yang mementingkan sesuatu yang indah seperti penjagaan kebersihan dan keindahan.

Di UNISEL, Pembangunan modal insan pelajar secara khusus adalah di bawah tanggungjawab pihak Hal Ehwal Pelajar. Namun Pusat Islam UNISEL juga berperanan membantu menjalankan program-program bagi membentuk sahsiah pelajar. HEP UNISEL

baru-baru ini telah memperkenalkan Dasar Pembangunan Pelajar “BUDIMAN” UNISEL merujuk kepada 5 kerangka iaitu (HEP, 2019);

- i) Enam (6) Nilai Teras Universiti
- ii) Tiga (3) Konsep Budiman
- iii) Enam (6) Aspirasi Pelajar
- iv) Tiga (3) Pembangunan Utama
- v) Tiga (3) Teras Tahan Uji.

Kerangka pertama adalah Nilai Teras Universiti iaitu i. Integriti (komited kepada piawai kejujuran & kebenaran), ii. Inovasi (tekad mengejar ilmu & membangunkan penyelesaian inovatif), iii. Akauntabiliti (sentiasa bertanggungjawab), iv. Kualiti dan Kecemerlangan (peningkatan kualiti dan kecemerlangan), v. Kebolehcapaian (peluang pendidikan maksimum untuk semua) dan vi. Kejelikan (semangat kerjasama dan kerja berpasukan).

Kerangka kedua adalah Konsep Budiman. Ia merangkumi 3 komponen utama yang perlu dihayati melalui penerapan konsep budiman yang kuat, padat dengan nilai-nilai keunggulan watak serta utuh dan seimbang serta berpaksikan kepada makna budi dan budaya. Tiga konsep BUDIMAN ini ialah i. Budi Bicara (pemikiran bijaksana, santun, bernas dan berwibawa dengan keilmuan, beragama dan prihatin), ii. Budi Bahasa (berbahasa hormat, ramah dan santun dalam berkomunikasi dengan masyarakat secara teratur dan beradab) dan iii. Budi Pekerti (adab, sikap, tingkah laku, akhlak yang bersusila bagi mengukuhkan jatidiri).

Kerangka ke tiga adalah Aspirasi Pelajar. Ia adalah penerapan aspirasi pelajar yang diadaptasi daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia iaitu i. Etika dan Kerohanian (beretika dan berakhlak, mempunyai kekuatan kerohanian, penyayang dan cakna, menghayati pembangunan mampan dan gaya hidup sihat), ii. Kemahiran Memimpin (komunikator yang berkesan, cerdas emosi dan mampu berinteraksi merentasi budaya, bertanggungjawab, berdaya saing, berdaya tahan, sabar, yakin dan menerapkan budaya keushawanan), iii. Identiti Nasional (mempunyai jatidiri kebangsaan, memahami aspirasi negara dan menghayati nilai perpaduan), iv. Kemahiran Bahasa (mengusai penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris), v. Kemahiran Berfikir (bersedia meraikan pendapat yang pelbagai, berfikiran kritis dan inovatif) dan vi. Pengetahuan (menguasai bidang pilihan, memapu memanfaatkan menghubungkan dan mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari)

Kerangka keempat adalah Tiga (3) Pembangunan Utama yang berdasarkan keperluan masa hadapan iaitu Pembangunan Personal (kemahiran insaniah dan kemahiran teknikal), Pembangunan Akademik (pelan pengajian, kemahiran belajar, penjadualan tugas dan pembelajaran Mandiri) dan Pembangunan Sosial (sukarelawan UNISEL, khidmat masyarakat, bakti siswa, cakna OKU, usahawan sosial, kerja komuniti).

Kerangka kelima adalah Tiga (3) Teras tahan Uji iaitu membezakan graduan BUDIMAN UNISEL dengan graduan lain. Ia merangkumi tiga 3 aspek penting iaitu mahasiswa UNISEL perlu percaya apabila mereka **HIDUP**, mereka perlu percaya mereka adalah yang **TERBAIK** dan tentunya mereka yang terbaik **PASTI BERJAYA**.

Dalam konteks Malaysia, pembangunan modal insan telah dipopularkan oleh mantan Perdana Menteri Tun Abdullah bin Ahmad Badawi. Cetusan idea ini merupakan strategi jangka panjang bagi memastikan generasi mendatang adalah aset penting dan bernilai yang akan menjaga sumber manusia yang berkualiti. Hasrat ini tidak dapat dicapai jika proses

pembangunan modal insan ini tidak diasaskan kepada pengetahuan ilmu yang mapan. Ini selaras dengan kehendak dan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara yang menuntun agar usaha yang konsisten bagi meningkatkan kapasiti dan potensi individu yang mempunyai sifat yang holistik. Abdul Halim El-Muhammady (1993, dalam Muhammad Yusuf Ahmad, 2002) menyatakan:

Pendidikan Islam adalah suatu proses mendidik dan melatih akal, jasmani, rohani dan emosi berasaskan sumber wahyu, al-Quran dan Sunnah, pengalaman Salaf Al-Salih serta ilmuan muktabar untuk melahirkan insan soleh yang mampu memikul tanggungjawab khalifah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT ke atas manusia supaya mengimarahkan ala mini untuk kebahagiaan hidupnya di dunia dan akhirat.

Justeru, pembangunan modal insan merupakan pembangunan yang memusatkan kepada manusia sebagai agen pembangunan (Mahbub ul Haq, 1955). Dalam mewujudkan pelaksanaan pembangunan modal insan, manusia dibahagikan kepada empat komponen penting iaitu kesaksamaan, produktiviti, pemerksaan dan kelestarian (Haq dan Ishak, 1999). Namun konsep ini masih bersifat fizikal dan kosong dari aspek ruhnya. Oleh itu, bagi menjayakan pembangunan modal insan yang lebih ideal dan bersifat holistik semua komponen penting yang memaknai insan hendaklah diintegrasikan secara seimbang (Abdul Rahman (2003).

Terdapat pelbagai model pembangunan modal insan yang telah dipelopori oleh para intelektual dari multi dimensi latarbelakang bidang pendidikan, ras dan agama. Model Kecerdasan Pelbagai (*Multiple Intelligence*) menggetengahkan lapan kecerdasan yang pelbagai sebagai pendekatan individu yang memberi reaksi dalam cara yang berbeza terhadap jenis kandungan yang berbeza (Howard Gardner, 1983). Model Multi-Dimensional Perspectives of Holistic Education pula memberi fokus terhadap enam dimensi pemikiran ekspresi yang digunapakai dalam pengajaran dan pembelajaran. Secara umumnya kedua-dua model ini memberi perhatian kepada aspek daya kognitif (taakul akal) (Nava, 2000). Model SAVI pula merupakan model pembelajaran yang menggunakan pendekatan deria berasaskan somatik, auditori, visual dan intelek (Dave Meier, 2000). Manakala Model Integrasi Holistik Dalam Latihan Perguruan Pendidikan Teknik dan Vokasional menekankan faktor teori, amali, praktikal dan emosi yang mengintegrasikan metodologi dalam melaksanakan agama yang abstrak dan tetap dengan amalan Pendidikan dan Vokasional (PTV) (Aripin, Hamzah, Othman dan Norihan, 2011).

Walau bagaimanapun, model pembangunan modal insan yang menjurus kepada pelajar institusi pengajian tinggi Swasta (IPTs) berorientasikan perspektif Islam masih belum ditemui. Justeru, kajian ini akan mengemukakan modul pembanguna bagi melahirkan pelajar yang seimbang dan holistik.


Melalui kajian ini terdapat tiga objektif yang ingin dicapai bagi menghasilkan model pembangunan pelajar yang mapan. Antara objektif kajian ini ialah:

- i. Menenalpasti konsep pembangunan modal insan menurut persepektif Islam.
- ii. Menenalpasti pembangunan modal insan pelajar yang holistik.
- iii. Membina model pembangunan modal insan pelajar.


2. Literatur Review

Penulisan dan kajian berkaitan tajuk kajian ini boleh dilihat dari beberapa artikel yang ditulis oleh para sarjana. Menurut Ab. Aziz Yusof (2009) Pembangunan modal insan yang telah digagaskan oleh YAB Tun Abdullah Ahmad Badawi merupakan strategi jangka panjang sebagai usaha membangunkan manusia dengan matlamat meningkatkan keupayaan dan penguasaan ilmu pengetahuan, memperkukuhkan keupayaan RND, sains dan inovasi serta memupuk masyarakat yang memiliki kekuatan moral. Ini diperkukuhkan oleh kajian Hairunnizam (t.t) yang menjelaskan bahawa pendidikan di sekolah agama dapat mengurangkan kadar masalah sosial. Malah Che zarina (2003) berpendapat bahawa peranan tasawwuf sebagai langkah khusus untuk membangunkan spiritual umat Islam. Baharom dan Mohamad (2009) turut bersetuju bahawa pembangunan modal insan mampu memberi pelaburan yang baik terhadap karekteristik dan moral.

Kajian Ab. Aziz Yusof dan Mutiara Dwi Sari (2017) menyorot berkaitan kepentingan pembangunan modal insan dalam menentukan aras kualiti masyarakat, negara dan organisasi. Ia menjelaskan perlunya keseimbangan antara aspek material dan non material khususnya dalam pembinaan kemanusiaan yang bersifat holistik. Penekanan elemen *software* (pembentukan sikap dan nilai) berbanding *hardware* (fizikal atau kemahiran) sangat signifikan demi mencapai matlamat pembangunan. Ini diperkukuhkan oleh kajian Zulkifli Mohd Yusof (2015) yang berpendapat bahawa pembangunan modal insan merupakan integrasi secara bersepadu antara intelek dan keperibadian. Abd. Rahman (2006) menggambarkan elemen pembangunan insan yang bersinergi ini melalui model;



Rajah 1: Keseluruhan Elemen Pembangunan Insan



Rajah 2: Asas Pembentukan Sesebuah Masyarakat Yang Baik

Rajah 1 dan 2 adalah rangka pembangunan insan yang holistik sifatnya dan saling berintegrasi secara harmonis. Asas pembentukan insan adalah masyarakat yang dipandu dengan nilai kepercayaan yang utuh. Iman merupakan asas yang menggerakkan pemikiran dan tingkahlaku seseorang individu. Ia mampu melahirkan insan yang mempunyai keupayaan intra personal dan interpersonal yang mapan. Dalam proses pembangunan insan, terdapat lima komponen utama yang perlu diupayakan. Komponen utama dalam elemen pembangunan insan ini adalah kerohanian. Ia perlu disejajarkan agar mencapai matlamat pembangunan insan seperti yang dihasratkan. Justeru, pembangunan fizikal, pemikiran, kemahuan dan perasaan hendaklah disinergikan dengan mapan agar tidak tersasar daripada konsep pembangunan menurut persepektif Islam. Acuan ini mampu merealisasikan ekosistem masyarakat yang perihatin terhadap masalah bersama, menyantuni golongan yang memerlukan bantuan, menyumbangkan khidmat sama ada tenaga, fikiran dan wang serta sanggup berkorban demi kepentingan orang lain.

Menurut Abdul Aziz Mohd Zin (2010) keberhasilan pembangunan insan ini dapat direalisasikan apabila individu yang dibentuk mampu menjalankan tugasnya dengan baik. Ketinggian sahsiah, akhlak, jatidiri dan potensi dapat diserlahkan bagi membangun masyarakat dan negara. Natijahnya, menjana kemajuan dan perubahan dalam pelbagai bidang sehingga lahir tamadun baru yang tidak menolak kepentingan nilai dan akhlak (Shuhairimi Abdullah et.al, 2010).

Selain itu, terdapat kajian pembangunan modal insan yang berkaitan dengan fungsi institusi sebagai wahana yang mampu melahirkan generasi masa depan. Ini dilakukan oleh Norain Mat Lazim dan Noorah Yusof (2012). Kajian oleh Azhar Hj Wahid (2015) juga menjustifikasikan perkara yang sama. Organisasi pendidikan adalah signifikan terhadap pembangunan modal insan bagi pengembelangan dan merealisasikan input ilmu, ketrampilan dan sikap positif. Namun penyelidikan ini tertumpu kepada aspek infrastruktur seiring dengan perkembangan keperluan sumber tenaga di samping kerelevenan pendemokrasian pendidikan yang mengambilkira populasi setempat. Hasil dapatan menunjukkan terdapat kolerasi antara kemajuan sesebuah negeri dengan taburan institut pengajian tinggi (IPT). Manakala Norhasni Zainal Abidin (2014) pula mengkaji peranan pentadbir Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi memastikan pembangunan modal insan mencapai matlamat yang ditetapkan berpaksikan latihan pengkhususan dan kepakaran. Kedua-kedua kajian ini melihat dari aspek perancangan dan pengurusan.

Kajian Nurul Haerani Mohamad, Ahmad Esa, Zalina Aishah Hj Abd Aziz (2014) juga menjurus kepada pembangunan modal insan di IPT namun skop kajiannya memfokuskan kepada aktiviti kokurikulum bertunjangkan pendekatan holistik merangkumi komponen jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sahsiah. Namun ia hanya mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada pembangunan holistik melalui aktiviti kokurikulum sahaja.

Secara umumnya belum ada kajian yang khusus untuk membina model pembangunan modal insan kepada pelajar di institut pengajian tinggi swasta (IPTS) yang menggunakan acuan Islam sepenuhnya. Kajian-kajian yang telah dijalankan akan menjadi asas kukuh bagi membina model yang bersifat holistik dan bersepadu menurut paradigma Islam.

3. Analisa Literatur Review

Analisa ini tertumpu kepada dua model yang mempunyai hubungkait dengan pelajar di Institusi Pengajian Tinggi.

3.1 Modul S.P.I.E.S

Modul S.P.I.E.S merupakan kerangka konsep latihan pembangunan modal insan di Selangor kelolaan kerajaan Negeri Selangor. Ia adalah akronim bagi Spritual, Physical, Intellectual, Emotional, dan Social (Kerohanian, Jasmani, Cendekiawan, Emosi dan Kemasyarakatan atau Sosial). Modul ini diinspirasikan oleh bekas Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor, Hjh Dr. Halimah Ali pada tahun 2008 yang dibangunkan untuk seluruh rakyat Selangor Darul Ehsan ke arah menjadikan Selangor sebuah negeri yang aman, sejahtera dan mendapat keampunan dari Tuhan. Perincian modul ini adalah seperti rajah di bawah (selangorku: 2008);



Rajah 3: Logo S.P.I.E.S

Spiritual - Spiritual berada di bawah piramid bagi menggambarkan spiritual adalah asas dan akar tunjang yang menampung elemen lain di atasnya iaitu *quotient* yang lain seperti Physical, Emotional, Intelligent dan Social. Warna hijau adalah melambangkan kesuburan dan kesegaran.

Physical - Physical pula berada di sebelah kiri dan berada pada tempat kedua dalam ejaan S.P.I.E.S. Konsepnya adalah melatih individu sentiasa menghargai nikmat kesihatan badan kerana badan yang sihat adalah faktor kepada perkembangan elemen lain yang bersifat seimbang. Warna merah pula menunjukkan darah yang mengalir untuk memperlihatkan kesihatan dan dinamika diri setiap individu.

Intelektual - Intelektual berada pada tempat ketiga dalam ejaan model S.P.I.E.S . Di dalam logo ini ia di bahagian kanan yang mengapit E-Emosi bersama I-Intelek. Intelek adalah akal yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada seluruh manusia. Oleh kerana itu, di dalam komponen ini ia berada di bahagian kanan dan warna jingganya melambangkan warna matahari yang sentiasa memancar dan memberi sumber kekuatan dan ilham kepada kehidupan. Warna matahari menjadi penyuluh dalam kegelapan.

Emosi - Emosi berada di tengah-tengah logo menunjukkan betapa pentingnya kestabilan diri individu dalam menggunakan P-Physical dan I-Intelektual. Emosi haruslah terkawal dan disokong dengan baik kerana sekiranya tubuh badan sakit maka pemikirannya pula terganggu lalu turut menjejaskan emosi. Warna ungu yang digunakan adalah bermaksud kasih syang, prihatin dan timbang rasa.

Sosial - Sosial berada di atas sekali sebagai manifestasi kepada adunan empat elemen di bawah iaitu sekiranya mana-mana elemen rosak maka hubungan social akan lemah dan bermasalah. Namun sekiranya elemen di bawah baik, maka kecemerlangan individu dan keharmonian masyarakat akan terserlah. Warna biru air menunjukkan awan biru yang tenang, harmoni, sihat dan ceria.

Kesemua elemen ini dirangkumkan dalam satu bulatan menunjukkan elemen-elemen ini tidak terpisah dan sentiasa bergantung antara satu sama lain. Warna kuning melambangkan ikatan yang menghubungkankaitkan kesemua elemen tersebut. Bulatan menunjukkan kesepaduan elemen dan hati individu masyarakat bersatu dan kuat untuk bermuafakat membina masyarakat cemerlang. Setiap elemen saling sokong menyokong dan bantu mendorong kea rah pembangunan masyarakat cemerlang.

Terdapat modul SPIES Siswa untuk pelajar IPT dan kolej di Selangor. Objektif dan kandungannya ialah meningkatkan kefahaman dan kemahiran jatidiri dan kepimpinan; membina keperibadian mantap, meneroka potensi diri, amanah dan tanggungjawab siswa, kemahiran dan kepimpinan spiritual, kecemerlangan akademik berasaskan kaedah pembelajaran terkini dan pelan tindakan kejayaan peribadi.

3.2 Program Seven Pillars UniMAP - Model Pembangunan Insan Seimbang

Program ini digagaskan oleh Naib Canselor UniMAP yang berteraskan kemahiran insaniah selari dengan Modul Kemahiran Insaniah oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Secara umumnya program Seven Pillars yang diwajibkan sebagai syarat bergraduasi kepada semua pelajar UniMAP. Tanpanya, pelajar UniMAP tidak akan dikurniakan ijazah. -Ia adalah merupakan program kemahiran umum (generic skills) atau lebih dikenali sebagai kemahiran insaniah yang dapat dijadikan wadah dalam pembinaan dan pembangunan mahasiswa yang mempunyai nilai dan ciri-ciri yang seimbang dari segi pembelajaran di bilik kuliah dan pembangunan sendiri melalui kegiatan ko-kurikulum diluar bilik kuliah. Ia bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang berilmu, berkeyakinan, mempunyai nilai murni dan moral yang tinggi, beretika, berbudi pekerti, bersopan-santun, berdisiplin, dinamik, inovatif, kreatif, sihat, bersemangat patriotik, adil, progresif, cekal dan berdaya saing.

Program 'Seven Pillars' adalah program pembangunan sahsiah pelajar yang merangkumi Kursus Bina Negara (BTN), Program Jalan Kaki Lasak, Program Bersama Komuniti - Bakti Siswa Perdana, Wacana Sosial, Bengkel Kepimpinan, Kursus Kemahiran Komunikasi dan Kursus Etika Sosial.

Kursus Bina Negara (BTN) - Kursus BTN mendedahkan para pelajar dengan unsur-unsur yang dapat membantu dalam pembentukan semangat patriotism dan jati diri dalam diri seawal para pelajar ini menjejakkan kaki ke institusi pengajian tinggi. Ini bertujuan untuk membentuk semangat patriotism dan cintakan Negara serta membantu dalam pembentukan semangat cintakan universiti dan seterusnya dapat mengelakkan para pelajar daripada terpengaruh dengan elemen luar yang kurang sihat.

Program Jalan Kaki Lasak - Program jalan kaki lasak memberi pendedahan kepada pelajar UniMAP untuk mengenali dan memahami cara hidup masyarakat pelbagai kaum serta aktiviti sosial mereka. Program ini juga membantu melahirkan pelajar universiti yang cerdas, cergas dan mempunyai ketahanan mental yang tinggi.

Program Bersama Komuniti (Bakti Siswa Perdana) - Para pelajar didedahkan dengan realiti kehidupan masyarakat khususnya di luar bandar. Program sebegini berupaya membentuk budaya ilmu di kalangan pelajar IPT sendiri kerana ianya mendorong mereka bercakap tentang motivasi dan kejayaan bersama pelajar-pelajar sekolah yang mereka temui sepanjang mengadakan program.

Wacana Sosial- Pengetahuan isu-isu semasa dalam Negara amat penting kepada mahasiswa supaya mereka boleh berperanan sebagai jurutera dalam masyarakat. Pendedahan kepada isu-isu antarabangsa juga sesuai sebagai persediaan mahasiswa menghadapi globalisasi. Program ini menyeimbangkan antara IQ dan EQ pelajar-pelajar UNIMAP.

Bengkel Kepimpinan (Latihan Industri) - Bengkel Kepimpinan Pelajar tahun tiga akan menjayakan industri, sehubungan dengan itu mereka akan berada dalam satu organisasi baru yang menuntut mereka memiliki kepelbagaian, kemahiran termasuk juga kepimpinan. Penglibatan mereka dalam latihan industri akan membawa bersama imej UniMAP. Dengan menyertai bengkel ini pelajar akan memperolehi ilmu kepimpinan dan boleh diadaptasikan di tempat latihan mereka.

Kemahiran Komunikasi - Suasana di luar kampus menuntut satu penyesuaian yang sempurna oleh seseorang mahasiswa agar mereka lebih berkeyakinan dan berdayasaing. Sehubungan dengan itu amalan komunikasi berkesan dan baik dilihat memainkan peranan penting yang membolehkan mahasiswa tampil dengan penuh keyakinan. Kursus ini juga mendedahkan para pelajar kepada kemahiran berkomunikasi dalam kumpulan kecil, kumpulan besar dan kumpulan dalam organisasi. Mereka juga belajar menerima dan menghormati pandangan orang lain dalam kumpulan.

Etika Sosial - Kursus ini penting sebagai medium mendedahkan pelajar kepada aspek-aspek temuduga yang bakal mereka hadapi setelah tamat belajar. Pengetahuan tentang etika sosial dan adab-adab menghadiri sesuatu majlis rasmi wajar diberi perhatian memandangkan mereka akan berhadapan dengan alam pekerjaan nanti.

Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan bertujuan membentuk sahsiah diri pelajar selari dan pembangunan modal manusia yang yang berkualiti. Kesemua program ini mempunyai nilai-nilai tersendiri untuk diterapkan kepada mahasiswa. Di antara nilai-nilai yang dapat diperolehi ialah jati diri, nilai masyarakat penyayang, kecerdasan mental dan fizikal, patriotism, kepimpinan dan kemahiran komunikasi yang berkesan dan efektif.

4. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan rekabentuk kaedah kualitatif. Metode kajian menggunakan analisa kandungan melalui penyelidikan perpustakaan berasakan bahan-bahan primer berbentuk penulisan dan penerbitan seperti buku, jurnal, latihan ilmiah, tesis sarjana dan Ijazah Kehormat (PhD). Ia bertujuan untuk memahami konsep pembangunan modal insan menurut perspektif Islam yang bersifat holistik dan sinergi yang mencakupi elemen kognitif, efektif dan psikomotor. Kajian perpustakaan ini juga digunakan bagi membentuk kriteria khusus sebagai elemen pembangunan modal insan yang boleh dipraktikkan dan diukur sehingga mampu membina model pembangunan insan pelajar di UNISEL yang boleh digunapakai oleh organisasi, agensi dan IPT lain di Selangor. Secara khusus dua model dianalisa sebagai sample yang boleh digarap bagi pembentukan model pembangunan pelajar di UNISEL iaitu S.P.I.E.S dan Seven Pillars.

Bagi mendapatkan maklumat yang lebih akurat dan asli yang boleh dipercayai, kajian ini menggunakan pendekatan kajian lapangan berbentuk temubual kepada pegawai Hal Ehwal Pelajar (HEP) bagi mendapatkan input bagi merangka model pembangunan insan.

5.0 Hasil Dapatan Dan Perbincangan

Berdasarkan model-model yang telah dikaji dan analisa literatur review di atas terdapat kekurangan yang wujud. Realitinya model S.P.I.E.S sudah tidak dilaksanakan lagi oleh kerajaan negeri Selangor. Ia telah dijenamekan semula dengan model yang baru iaitu INSAN. Namun model INSAN tidak merangkumi pembangunan modal insan peringkat pengajian tinggi. Manakala model Seven Pillars diperkenalkan bertujuan untuk kebolehpasaran graduan dalam sektor pekerjaan. Aspek kerohanian tidak dinyatakan secara jelas.


Berdasarkan model-model yang telah wujud khususnya dua model yang menjadi sampel rujukan, UNISEL memerlukan model yang tersendiri, unik dan relevan dengan aspirasi halatuju universiti. Kajian ini ini mencadangkan Model Pembangunan Insan Pelajar (M.P.I.P) versi UNISEL yang digarapkan bagi melahirkan mahasiswa yang berketrampilan, kompeten, prihatin dan holistik.

Objektif M.P.I.P terangkum dalam 4 komponen utama iaitu;

- a) Mengupaya diri menjadi individu yang cemerlang.

- b) Mampu membimbing rakan sebaya ke arah kebaikan dan kejayaan
- c) Berkeupayaan mengurus persatuan agar membentuk ekosistem kampus yang baik.
- d) Mempunyai kapasiti memimpin masyarakat kampus

Model M.P.I.P ini berdasarkan kerangka berikut.



Rajah 4: Model Pembangunan Insan Pelajar UNISEL


Rajah 4 menunjukkan kerangka model M.P.I.P yang berasaskan kepada halatuju universiti. Kementrian mahasiswa di UNISEL hendaklah berpaksikan kepada halatuju universiti dan secara khususnya adalah Hal Ehwal Pelajar (HEP). Ini termasuklah visi dan misi, Nilai Teras, petunjuk prestasi utama (KPI) dan Dasar BUDIMAN. Ia ibarat menara kawalan yang akan memastikan segala gerak kerja dan aktiviti terarah, punyai standard yang dipersetujui dan uniti dalam diversiti. Model M.P.I.P ini bertujuan untuk melahirkan mahasiswa yang kompeten dalam empat (4) komponen atau kluster iaitu i. Mengupaya diri, ii. Membimbing rakan sebaya, iii. Mengurus Persatuan dan iv. Memimpin masyarakat. Bagi merealisasikan komponen-komponen atau kluster-kluster ini modul-modul yang relevan akan dibina. Ia merangkumi aspek kognitif, afektif, psikomotor dan spiritual yang bersinergi serta bersifat holistik. Natijahnya melahirkan mahasiswa yang kompeten dan holistik yang berupaya mengubah lanskap kampus dan universiti yang mampan.

Manakala setiap komponen atau kluster akan mempunyai ciri atau kriteria yang lebih khusus. Berikut adalah perinciannya;


KOMPONEN	CIRI @ @/ KRITERIA
Mengupaya Diri	<ul style="list-style-type: none"> • Sedar matlamat hidup • Membangun kecerdasan intrapersonal dan interpersonal • Tahap kepintaran tinggi • Akauntabiliti & integriti • Self estem yang tinggi
Membimbing Rakan Sebaya	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran komunikasi • Membangun mahasiswa • Kemahiran sosial

Mengurus Persatuan	<ul style="list-style-type: none"> • Pembangunan pasukan • Disiplin organisasi • Berorientasikan hasil
Memimpin Masyarakat	<ul style="list-style-type: none"> • Kemahiran Mengurus sosial • Membangun manusia • Problem solving

Rajah 5 menunjukkan pelaksanaan Model Pembangunan M.P.I.P yang menggabunjalinkan elemen kognitif, afektif dan psikomotor secara harmonis. Dalam aspek operasi pula ia melibatkan beberapa pendekatan yang unik dan bersifat sendiri, teamwork dan aktiviti di lapangan. Beberapa modul yang khusus akan dirangka bagi menjayakan model ini. Dalam masa yang sama pemantauan dan bimbingan yang berterusan daripada pihak HEP akan menghasilkan pendekatan hybrid bagi mencapai matlamat.



Rajah 5: Pelaksanaan Program Model Pembangunan Insan Pelajar (M.P.I.P)



Rajah 6: Model Pengurusan Pembangunan Modal Insan Pelajar Unisel

6. Kesimpulan

Berdasarkan hasil kajian yang diperoleh daripada kajian-kajian di atas dapat disimpulkan bahawa pembangunan insan yang bersifat holistik dan seimbang berasaskan perspektif Islam sangat signifikan. Model Pembangunan Insan Pelajar UNISEL mampu melahirkan pelajar yang Rabbani, kompeten, berketrampilan dan holistik serta seimbang akademik dan sahsiah diri.

Dapatan yang dihasilkan melalui kajian ini ialah

- Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan yang ada dalam pembangunan modal insan
- Amalan “Best Practice” dalam pembangunan modal insan
- Cadangan model pembangunan modal insan berteraskan asas-asas Islam
- Meningkatkan kualiti pelajar UNISEL.
- Melahirkan peajar yang memiliki sahsiah yang cemerlang.
- Membangun potensi pelajar agar memberi khidmat bakti terbaik kepada UNISEL berasaskan doktrin tauhid.

7. Penghargaan

Artikel ini dibiayai oleh Geran Bestari Universiti Selangor.(GPB/02-UNISEL 18/ SS-018)

8. Rujukan

- Aripin, M.A., Hamzah, R., Othman, M. Z. & Norihan, I.S. (2011). Modul Integrasi Holistik Dalam Latihan Perguruan Pendidikan Teknik Dan Vokasional DiFakulti Pendidikan UTM. *Prosiding Seminar Majlis Dekan-dekan Pendidikan IPTA 2011*. Universiti Putra Malaysia.
- Ab. Aziz Yusof dan Mutiara Dwi Sari. (2017). Universiti, Pembangunan Modal Insan Dan Penumpuan Ruang Komuniti Berpendidikan Tinggi Di Malaysia: Suatu Ulasan Kritis. *Journal of Sosial Science and Humanities*. Vol.7, No. 2. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Arip bin Hj Kasmoo, “Pembangunan Insan Melalui Pendekatan Al-Quran Dan Sains : Membina Keyakinan Muslim Terhadap Al-Quran Menerusi PASAQ”, *Jurnal Akademi Sains Islam Malaysia (ASASI)*, j. 16, Bandar Baru Bangi: PST Enterprise Sdn. Bhd.
- Ramon Gallegos Nava. (2010). Being in unity with the spiritual intelligence Trilogy I. *International Foundation for Holistic Education*, Guadalajara.
- Zulkifli Mohd Yusoff. (2015). Keseimbangan modal insan/human capital development dalam membangun masyarakat holistik dari kacamata al-Quran. *Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar al-Quran*. Anjuran Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 13hb Jun 2015.
- Ekananda, Mahyus. 2015. *Ekonometrika Dasar*. Jakarta: Mitra Wacana Media.
- Faudzinain Badaruddin (2006), “Pembangunan Ummah: Relevansi Peranan Tasawuf dalam Konteks Moden”, dalam Ahmad Sunawari Long dan Zul’azmi Yaakob (eds.), *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir- Malaysia*, Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM, h.132.
- Tuan Haji Nik Mustapha bin Haji Nik Hassan (2005), “Falsafah Pembangunan Negara Mengikut Kacamata Islam” dalam *Prosiding Multaqa Sultan Sharafuddin Idris Shah*

- al-Haj. Selangor: Jabatan Mufti Negeri Selangor. h. 99. *Insan di Malaysia*, 8 Januari 2008), h. 3.
- Sidek Baba (Prof) (2008), "Pembangunan Modal Insan dalam Pembangunan Negara" (Seminar Pembangunan Mohd Kamal Hassan(1988), Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise. h. 250.
- Hasnah Hussin (2007), "Globalisasi: Kesannya Ke Atas Pembentukan Modal Insan Di Malaysia," dalam Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin et.al (eds.), *Modal Insan*. Pahang: Universiti Malaysia Pahang. h. 177.
- Abdul Aziz Mohd Zin (2010), "Pembangunan Insan Melalui Pemeraksanaan Dakwah," dalam Mohd Roslan Mohd Nor et.al (eds), *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 34, 35.
- Shuhairimi Abdullah et.al (2010), "Melestari Pembangunan Manusia Ke Arah Penjanaan Modal Insan: Satu Tinjauan Umum Menurut Perspektif al-Quran," dalam Mohd Roslan Mohd Nor et.al (eds), *Pembangunan Modal Insan & Tamadun Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. h. 72.